

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN**  
**JUSOH**  
**KAWASAN** : **SETIU**  
**TARIKH** : **31 Julai 2017**  
**NO. SOALAN** : **21**

**SOALAN**

Tuan Che Mohamad Zulkifly Bin Jusoh minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan struktur ekonomi dan polisi yang diguna pakai oleh kerajaan dalam mengawal pelabur asing selepas bertapak di Malaysia walaupun kemasukan pelaburan ke dalam negara adalah satu perkembangan positif kepada negara kerana ia akan membantu memacu pertumbuhan ekonomi.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti semua sedia maklum, dasar Kerajaan menggalakkan kemasukan pelaburan asing adalah bagi menyokong pertumbuhan ekonomi negara ke tahap yang lebih tinggi. Sehubungan itu, Kerajaan telah menetapkan bahawa pelaburan yang dibawa masuk adalah pelaburan yang berkualiti bagi membolehkan negara dan rakyat meraih manfaat daripada kemasukan pelaburan-pelaburan tersebut.

Usaha Kerajaan mengawal selia kemasukan pelaburan asing di negara ini bermula daripada peringkat awal lagi iaitu ketika proses penilaian bagi pemilihan pelaburan asing yang akan dibawa masuk ke dalam negara dan seterusnya setelah pelabur bertapak di Malaysia.

Kerajaan telah menetapkan beberapa kriteria penting dalam memilih pelaburan yang bakal masuk ke dalam negara antaranya pelaburan berkualiti tinggi, pelaburan yang memberi impak yang besar kepada pembangunan ekonomi negara, berteknologi tinggi, berasaskan inovasi, kreativiti, bernilai ditambah tinggi, berasaskan pengetahuan, mempunyai rantai nilai, mempunyai penglibatan R&D serta dapat mewujudkan peluang pekerjaan berkualiti dan bernilai tinggi.

Tuan Yang di-Pertua,

Antara kaedah kawalan ke atas pelaburan asing yang dikenakan Kerajaan adalah melalui syarat dan kriteria Lesen Pengilang yang perlu dipatuhi oleh syarikat pelabur termasuk:

- (i) kelulusan lokasi kilang adalah tertakluk kepada kelulusan daripada Kerajaan Negeri yang berkenaan dan Jabatan Alam Sekitar;
- (ii) penjualan saham-saham syarikat perlu dimaklumkan kepada MITI dan MIDA;
- (iii) syarikat hendaklah melatih rakyat Malaysia supaya pemindahan teknologi dan kepakaran dapat disalurkan di semua peringkat jawatan;
- (iv) syarikat hendaklah melaksanakan projeknya seperti yang diluluskan dan mengikut undang-undang serta peraturan lain yang termaktub di Malaysia;
- (v) bermula tahun 2016, beberapa kriteria tambahan telah ditetapkan bagi memasti projek-projek yang diluluskan adalah berkualiti serta tidak berasaskan buruh dengan mengkaji semula nisbah pelaburan modal bagi setiap pekerja ataupun *Capital Investment Per Employee* (CIPE) daripada RM55,000 kepada RM140,000; dan
- (vi) syarikat dihadkan jumlah pekerja asing tidak mahir (termasuk sumber luar) tidak melebihi 20% daripada jumlah guna tenaga syarikat bagi sesebuah projek baharu yang diluluskan dengan tujuan supaya peluang pekerjaan yang lebih tinggi dapat diberikan kepada rakyat tempatan di semua peringkat jawatan.

Pemantauan kepada pematuhan syarat-syarat yang telah ditetapkan kepada projek-projek yang telah diluluskan Lesen Pengilang dan galakan insentif sentiasa dilaksanakan. Pemantauan ini dijalankan sepanjang tempoh galakan yang telah diberikan. Projek-projek yang gagal mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan akan ditarik balik kelulusan Lesen Pengilang dan insentif-insentif yang telah diberikan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan menghargai keprihatinan semua pihak dalam memastikan kemasukan pelaburan asing terus memberi manfaat kepada negara dan rakyat. Justeru, Kerajaan sentiasa mengamalkan dasar terbuka terhadap saranan dan cadangan konstruktif bagi membantu Kerajaan memperkukuhkan lagi aspek penilaian dan pengawalan ke atas pelaburan asing bagi memelihara kepentingan negara dari semasa ke semasa untuk manfaat semua.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]**

**TARIKH** : **31 JULAI 2017 (ISNIN)**

**SOALAN** : **22**

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah pengendalian kargo dan "passenger movements" semua lapangan terbang di negara setiap tahun sejak 2007, kadar pertumbuhannya dan keuntungan/kerugian yang diperoleh oleh MAB untuk setiap lapangan terbang. Mengapakah program pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang yang sudah lebih kapasiti masih belum diluluskan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Jumlah pengendalian kargo dan penumpang bagi semua lapangan terbang di seluruh negara mulai tahun 2007 sehingga 2016 berjudat antara 803,964 tan metrik hingga 1,007,463 tan metrik. Jumlah pengendalian penumpang pula meningkat dari 45.2 juta pada tahun 2007 ke hampir 89 juta penumpang pada 2016. Pengendalian penumpang telah meningkat sebanyak 96.9% antara 2007 hingga 2017. Maklumat terperinci boleh dicapai melalui laman web Kementerian Pengangkutan Malaysia ([www.mot.gov.my](http://www.mot.gov.my)).

Berhubung perincian kos penyelenggaraan dan pulangan keuntungan, Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) merupakan syarikat awam yang mengendalikan 39 lapangan terbang di seluruh Malaysia. Prestasi dan laporan kewangan Kumpulan Syarikat MAHB dilaporkan dalam bentuk gabungan keseluruhan lapangan-lapangan terbang. MAHB tidak mengeluarkan maklumat berkaitan keuntungan (atau kerugian) bagi setiap lapangan terbang yang dikendalikannya. Ini kerana laporan berasingan akan memberi kesan kepada persaingan MAHB dan memberi implikasi terhadap harga saham dan sebagainya.

Berhubung program pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP), Kerajaan sememangnya mempunyai perancangan untuk menaik taraf LTAPP supaya dapat menampung kapasiti sehingga 10 juta penumpang setahun sehingga tahun 2025, berbanding kapasiti sedia ada yang hanya mampu menampung 6.5 juta penumpang setahun. Buat masa ini, perkara ini masih dalam pertimbangan Kerajaan.